

19 FEB 1997

Mahathir-Menara (dengan gambar)

DR MAHATHIR DAN JEMAAH KABINET BUAT TINJAUAN DARI BANGUNAN TERTINGGI 20 DUNIA

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan jemaah menteri hari ini melawat Menara Berkembar Petronas dan meninjau pandangan ibu negara dari bangunan tertinggi dunia itu.

Lawatan itu yang pertama bagi para menteri ke projek Pusat Bandaraya Kuala Lumpur (KLCC) secara berkumpulan walaupun Perdana Menteri kerap meninjau perkembangan pembinaan projek itu.

Menara Berkembar Petronas setinggi 88 tingkat merupakan antara bangunan yang terletak dalam KLCC. Menjangkau 452 meter ke udara, bangunan kembar yang unik itu telah disahkan bangunan tertinggi dunia oleh Majlis Bangunan-bangunan Tinggi dan Habitat Bandar Sedunia.

Dr Mahathir dan anggota kabinetnya, yang nampak begitu puas hati selepas lawatan itu, mendengar taklimat yang disampaikan Pengarah Urusan KLCC Abdul Rahim Naim di tingkat 15. Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali turut hadir.

Rahim memberitahu pemberita kemudian bahawa beliau memberi taklimat mengenai perkembangan terkini projek kepada para menteri.

"Perdana Menteri telah mendengarnya banyak kali," katanya ketika ditanya mengenai pandangan Dr Mahathir mengenai lawatan itu.

Katanya Petronas, yang menggunakan salah satu menara sebagai ibu pejabatnya, kini dalam proses memindahkan kakitangannya secara berperingkat-peringkat. Kumpulan pertama memasuki pejabat mereka pada 27 Jan.

Rahim berkata menara kedua akan disewakan dengan kumpulan pertama penyewa akan mendudukinya pada Jun.

Selepas lawatan 90 minit itu, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik mungkin menyuarakan pandangan rakan-rakan kabinetnya dengan berkata: "Pandangannya begitu menakjubkan." Lawatan itu yang pertama baginya.

Sebelum naik, Dr Mahathir, timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim dan anggota kabinet yang lain menikmati jamuan tengah hari di pejabat tapak KLCC. Mereka sebelum itu menghadiri mesyuarat mingguan Kabinet.

Selain daripada tingkat 15, mereka juga dibawa ke tingkat 86, paras tertinggi yang akan diduduki dan di tingkat 41 di mana jejantas udara menghubungkan kedua-dua menara. Jejantas itu terletak 178 meter dari paras jalan raya.

-- BERNAMA

AZZ AHH